

Seorang yang Telah Berjasa di ‘Arabiyyah Sa‘ūdiyyah

Kembali ke Rahmatullah

Shaykh Abdullah al-Sulaiman al-Hamdan, seorang tua berusia 85 tahun yang ramah-tamah dan bekas Menteri Kewangan kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘ūdiyyah telah kembali ke rahmatullah Ta‘ālā di tempat kediaman beliau di Jeddah pada petang Rabu 17 Rajab 1385. Jenazah almarhum telah disembahyangkan di Masjid al-Harām di Makkah al-Mukarramah dan kemudian dimakamkan di Tanah Suci itu.

Almarhum telah mengidap penyakit beberapa lama dan telah menjalankan suatu pembelahan oleh seorang doktor Inggeris yang terkenal. Almarhum adalah seorang tua yang penuh semangat keislamannya dan penuh semangat perjuangannya di dalam menegakkan semangat dan perjuangan Islam.

Dalam masa penulis menuaikan haji tahun 1964 telah berpeluang menziarah ke rumah almarhum. Kebetulan pada pagi itu ramai sahabat handai almarhum ziarah di sana dan di dalam bercakap-cakap dengan almarhum timbulah riwayat perjuangan umat Muslimin di Indonesia. Almarhum sangat menyesali bagaimana umat Muslimin di Indonesia tidak begitu tegas memperjuangkan cita-cita Islam dan tidak berani bertindak dengan wajarnya terhadap Sukarno yang terang-terang meruntuhkan kekuasaan Islam di Indonesia dan menghapuskan semangat jihad parti Islam yang berjuang dalam suatu cita-cita menegakkan negara Islam.

Nampak benar dalam hal itu almarhum sangat menyesali dan dukacita atas kelemahan umat Islam Indonesia tidak berani bertegas dan berkorban mengadakan langkah-langkah menghapuskan penghalang-penghalang Islam di sana.

Almarhum Shaykh Abdullah al-Sulaiman al-Hamdan



Almarhum Shaykh Abdullah al-Sulaiman al-Hamdan

meninggalkan suatu riwayat yang gilang-gemilang di dalam kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘ūdiyyah kerana almarhum inilah salah seorang pengasas bersama-sama dengan al-Maghfūr lahu al-Malik ‘Abd al-‘Azīz raja bagi kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘ūdiyyah. Almarhum Shaykh ‘Abdullah al-Sulaiman inilah tempat baginda meletakkan kepercayaan dan penghargaan. Almarhum inilah seorang yang setia dan ikhlas kepada rajanya sehingga kepada saat akhir baginda mangkat. Almarhum seorang yang luas dan jauh pandangan dan dalam masa hayatnya adalah seorang yang sangat usaha dalam mengadakan pembangunan. Ialah orangnya di antara orang-orang yang menjadi pembangunan yang pertama badan pertadbiran di negara ‘Arabiyyah Sa‘ūdiyyah setelah dasar-dasar dan peraturan-peraturan pertadbiran kewangan disatukan.

Selain daripada itu banyak usaha-usaha pembangunan yang

dilakukan mengadakan kilang-kilang kebangsaan dan jabatan-jabatan penting yang diperlukan oleh negara. Almarhum juga terkenal seorang yang sangat cenderung di dalam lapangan kebaikan dan dalam apa juu rancangan yang mendatangkan kebaikan untuk negara dan untuk rakyat umumnya. Contoh yang paling terang sekali ialah dalam masa mendirikan Universiti al-Malik ‘Abd al-‘Azīz bahawa almarhumlah seorang yang memberi sumbangan yang berkesan dengan rancangan-rancangan besarnya yang telah mendorong maju ke hadapan dalam bentuk yang sangat nyata.

Penulis rencana ini berserta dengan anggota Qalam mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada keluarga beliau, mudah-mudahan diliputi sabar dan berdoa semoga Allah mencucuri rahmat atas roh almarhum serta dihimpunkan di dalam himpunan orang yang soleh di dalam Syurga, amin.

Merahsiakan Hajat Di Hati

Sabda Nabi (S.A.W) “Ista‘īnū ‘alā al-hājāti bi al-kitmān, fa inna kulli dhī ni‘mati mahsūd” ertinya: “Gunakanlah cara menunaikan hajat dengan merahsiakannya, kerana setiap yang mendapat nikmat itu didengki orang.”

Tujuannya: Jika seseorang membuat suatu rancangan, sekalipun baik tujuannya, maka moleklah merahsiakannya jangan sampai diketahui orang, terutama oleh orang yang dengki hatinya. Kerana telah menjadi kebiasaan, orang yang mendapat kesenangan selalu didengki orang.

* * *

Jangan Meratapi Kekalahan

Orang yang arif bijaksana tidak bertopang dagu sambil meratapi kekalahannya, tetapi dengan gembira mencari jalan untuk mempersenjatai dirinya kembali. — William Shakespeare.



Gambar kenang-kenangan tiga orang penuntut Madrasah Aljunied al-Islamiah Singapura, yang berjaya mendapat biasiswa dari kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘ūdiyyah, untuk melanjutkan pelajaran mereka ke Universiti Madinah al-Munawwarah. Bergambar ramai dengan rakan-rakan mereka sedarjah dan para nazir, mudīr dan guru-guru. Pengenalan barisan belakang nombor 4 dari kanan iaitu: Sayyid Omar bin Abdullah al-Shatiri, Rahmat bin Hussein dan Sayyid Hassan bin Muhamad bin Tahir. Mereka telah berlepas dengan kapal terbang pada pagi Rabu 27.10.1965 yang lalu.